

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH** : **21 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN** : **Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sama ada benar berlaku perubahan ketara dalam kadar dan taburan hujan di Malaysia dan apakah implikasi perubahan ini terhadap sektor pertanian negara.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat ahli Dewan, secara amnya tiada perubahan yang ketara dilihat pada data taburan hujan tahunan di Malaysia berdasarkan data hujan yang direkodkan di stesen-stesen Meteorologi di negara ini sejak tahun 1951 hingga 2014. Namun dari segi kekerapan kejadian hujan lebat yang ekstrem ada menunjukkan peningkatan sejak akhir-akhir ini. Dalam hal ini, perubahan ekstrem dalam kadar taburan hujan di Malaysia akan menyebabkan berlakunya peningkatan kekerapan banjir dan peningkatan bulan kering bagi kemarau yang panjang.

## Kesan Perubahan Taburan Hujan Terhadap sektor Pertanian Negara

Perubahan kadar dan taburan hujan sememangnya akan mempengaruhi kadar produktiviti pengeluaran agromakanan. Kesan bagi subsektor tanaman seperti padi, ternakan, tanaman dan perikanan adalah seperti berikut:

- i. Bagi tanaman padi, produktiviti bergantung kepada perubahan suhu dan taburan hujan. Secara umumnya, suhu yang sesuai bagi tanaman padi adalah antara 24°C (minimum) hingga 34°C (optimum), sementara taburan hujan yang minimum adalah tidak kurang daripada 2000 mm setahun;
- ii. Bagi sektor ternakan pula, perubahan taburan hujan akan menyebabkan status kesihatan terjejas terutamanya penyakit pernafasan. Penyebaran penyakit yang disebabkan oleh parasit, bakteria maupun virus menjadi lebih mudah dan menyebabkan produktiviti ternakan menurun. Ini merangkumi penurunan berat badan, penurunan pengeluaran susu, penurunan pengeluaran telur pada ternakan ayam dan itik, tumbesaran anak terbantut dan penurunan pada kadar pembiakan (daya biak);
- iii. Bagi sektor tanaman, kekurangan hujan atau kejadian kemarau akan menjejaskan produktiviti pengeluaran sayuran dan buah-buahan terutamanya kawasan yang tidak mempunyai bekalan sumber air yang berterusan. Kejadian hujan lebat yang ekstrem pula akan menyebabkan banjir yang akhirnya akan merosakkan tanaman; dan
- iv. Industri perikanan termasuk industri akuakultur dan perikanan tangkapan akan terjejas oleh kejadian perubahan taburan hujan yang melampau termasuk kejadian kemarau, banjir, ribut dan ombak besar. Kejadian banjir dan kemarau yang keterlaluan akan memudaratkan sistem ternakan ikan, sama ada di dalam sangkar atau kolam ternakan. Ini boleh menyebabkan kematian ikan

secara besar-besaran atau kehilangan ikan ternakan akibat air yang melimpah kawasan kolam. Kejadian banjir juga boleh menyebabkan paras kemasinan air bertukar secara mendadak dan memberi kesan kepada spesies yang rendah toleransi kemasinan, seperti udang.

Berdasarkan kepada situasi ini, Kementerian akan berusaha mengurangkan kesan perubahan taburan hujan pada sektor pertanian dengan mewujudkan pelan tindakan yang turut melibatkan program R&D yang bersesuaian.